

(27 Mei 2021) FUSMB, p. 4

Mukim, lokaliti dikenakan PKPD

PETALING JAYA - Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Parit Buntar, Kerian, Perak.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, terdapat 82 kes positif telah direkodkan hasil daripada 623 ujian saringan dilakukan.

Selain itu, katanya, PKPD turut dilaksanakan di Pangsapuri Permai (semua blok) dan Pangsapuri Sri Penara (Blok C dan D) di Cheras, Kuala Lumpur.

"KKM mendapati berlaku peningkatan kes ketara dalam tempoh 10 hari apabila sebanyak 78 kes positif telah dikesan hasil daripada 101 ujian saringan dilakukan di Pangsapuri Permai.

"Di Pangsapuri Sri Penara pula, terdapat 111 kes positif selepas 123 penghuni disaring," jelasnya.

Ujarnya, dua lagi lokaliti turut dikenakan PKPD di Pahang iaitu Taman Dato' Tengku Paris dan Felda Tersang 1, 2, & 3, Mukim Batu Talam, Raub Pahang.

"Mukim Perak dan mukim



SEORANG penduduk sedang duduk sambil melihat telefon pintar di PKPD PPR Kampung Limau, Kuala Lumpur kelmarin.

Bangau di Temerloh, Pahang turut dikenakan PKPD," ujarnya.

Sementara itu, di Sabah, empat perkampungan di daerah Kunak dikenakan PKPD iaitu Kampung Kabong, Kampung Kabong Baru, Kampung Kunak Darat, dan Kampung Kunak 3.

Di Kota Belud Sabah pula, PKPD turut dilaksanakan di

Kampung Pirasan.

"Sementara di daerah Tawau, kerajaan turut melaksanakan PKPD di tiga lokaliti iaitu Kampung Sungai Pukul, Pulau Sebatik; Taman Desa Rangu dan Taman Sawit Balung," katanya.

Semua arahan itu berkuat kuasa bermula 28 Mei hingga 10 Jun depan.